

Pihak berkuasa komited banteras kegiatan pemerdagangan manusia

797 mangsa berjaya diselamatkan

KOSMO 27/4/2011 MS 4.

PUTRAJAYA - Seramai 797 mangsa kes pemerdagangan manusia dari 20 buah negara berjaya diselamatkan oleh pihak berkuasa sehingga 31 Mac lalu.

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Mahmood Adam (**gambar**) berkata, mereka yang terdiri daripada 505 wanita, 223 lelaki dan 69 kanak-kanak itu telah mendapat Perintah Perlindungan Tetap (PO) dan ditempatkan di rumah perlindungan.

"Statistik terkini mangsa yang berada di rumah perlindungan sehingga semalam ialah 50 wanita, 55 lelaki dan 23 kanak-kanak," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran di sini semalam.



Beliau berkata, seramai 468 orang telah ditangkap membabitkan 330 jumlah kes bagi tempoh sehingga 31 Mac lalu.

"Dalam tempoh tersebut, jumlah kes yang telah dituduh sebanyak 323 kes, kes yang di peringkat bicara (243), kes selesai (42) dan kes yang telah disabitkan (31)," katanya.

Mahmood berkata, pihak penguat kuasa juga berjaya membanteras sindiket penyeludupan migran di Sabah apabila seramai 60 warga Filipina yang dipercayai diseludup masuk ke Sabah melalui jalan laut, berjaya ditangkap.

Beliau berkata, kerajaan turut bekerjasama dengan Australia bagi menangani kes-kes penyeludupan migran di kedua-dua buah negara.

INFO Pemerdagangan manusia

- Terbahagi kepada empat cabang iaitu pemerdagangan seks, penjualan bayi, penjualan organ manusia dan buruh paksa
- Sebanyak 80 peratus daripada mangsa terdiri daripada golongan wanita dan kanak-kanak
- Kebanyakan mangsa yang diselamatkan di negara ini melibatkan rakyat Republik China, Indonesia, Sri Lanka, Afghanistan, Myanmar, Bangladesh, Nepal, Kemboja, Vietnam dan Pakistan.

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia